



WARISAN

Warisan

KDN 7890



KELUARAN 16 1992
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

KANDUNGAN

Muka Surat

- | | | |
|----|---|---------|
| 1. | Laporan Lawatan PSMCNS ke Sumatera Barat | 6 - 10 |
| 2. | Pelabuhan Pengkalan Kempas | 11 - 18 |
| 3. | Kepentingan Lagenda dan Mitos dan Kedatangan Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan | 19 - 31 |
| 4. | Sistem Bersuku-Suku Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan | 32 - 46 |
| 5. | Tokoh Guru/Politik Negeri Sembilan Dan Kebangsaan Haji Mohd. Yusof Bin Badin | 47 - 51 |
| 6. | Sejarah Serangan P.K.M. Ke Atas Balai Polis Simpang Pertang, Jelebu | 52 - 64 |
| 7. | Istiadat Perkahwinan di Rembau (Secara Beradat- Adat Perpatih) | 66 - 74 |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
SPNS., PSM., DSNS., PMC.

Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

Telefon: Seremban 722421 & 722311
**PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN.**

فجاجة منتري بسر
نكري سـمبيلن
دارالخصوس



**MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

KATA-KATA ALUAN.

Rakaman penghargaan saya tujukan kepada Sidang Redaksi Jurnal Warisan kerana terus memperlihatkan keupayaannya menerbitkan makalah periodical ini bagi kali yang ke 16.

Dengan kekayaan sejarah yang dimiliki sejak zaman berzaman lagi, maka sudah sewajarnya kerja-kerja pembukaan dan penerbitan secara umumnya disempurnakan oleh kita semua untuk tatapan generasi mendatang.

Jurnal Warisan sebagai penghebah fakta sejarah negeri akan terus mendapat perhatian masyarakat ramai khususnya para pengkaji dan penyelidik sejarah kerana ia akan menjadi salah satu bahan pedoman yang berguna di tahun-tahun akan datang.

Sehubungan dengan itu, adalah amat wajar bagi kita semua untuk mengkhususkan tanggungjawab ini dengan cara yang paling efektif untuk membolehkan penghayatan sejarah itu berjalan dengan amat sempurna.


Inilah satu-satunya usaha paling murni di kalangan kita semua untuk terus membuka penglihatan dan pemikiran generasi hari ini ke arah pemupukan dan penghayatan nilai-nilai sejarah negeri dan negara yang lebih bererti lagi.

Salam hormat,

**(DATO' SERI UTAMA TAN SRI HJ. MOHD. ISA
BIN DATO' HJ. ABDUL SAMAD.)**



PEJABAT PENGARAH PENDIDIKAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
70604 SEREMBAN.
TEL: 06-724337 FAX: 06-739969



KATA-KATA ALUAN

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi Jurnal Warisan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan berjaya diterbitkan. Syabas kepada Sidang Redaksi dan kepada semua yang terlibat dalam kelahiran ini.

Seperti di masa-masa lalu, kemunculan jurnal ini adalah sebagai penyimpul kepada urutan dan cebisan sejarah zaman silam untuk bahan tatapan generasi masakini. Ia juga akan memberi peluang kepada lebih ramai penulis, pelajar dan orang-orang perseorangan menyumbangkan penulisan mereka berhubung dengan sejarah tempat masing-masing.

Untuk Warisan Keluaran Yang ke 16 ini satu ruang 'Lorekan Remaja' telah diwujudkan. Tujuannya adalah untuk memupuk dan memperkembangkan bakat-bakat penyelidikan dan penulisan di kalangan pelajar-pelajar.

Peranan Sejarah dalam melahirkan warga setia dan cintakan tanahair tidak dapat dinafikan. Justru itu Kementerian Pendidikan telah mengatur langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan mata pelajaran Sejarah dalam perspektif yang betul dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah kini.

Sayugia itu saya menyeru guru-guru Sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap Sejarah untuk memainkan peranan masing-masing.


Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam 'WARISAN' keluaran ini. Seterusnya Warisan memerlukan sokongan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan Sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian

(HAJI SA'ARI BIN HASAN)
Pengarah Pendidikan, N. S. D. K.
Merangkap,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja PSM,
Cawangan Negeri Sembilan.



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**
d/a Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Seremban.



Dari Meja Pengarang

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi "Warisan" dapat dikeluarkan untuk Kali ke 16. Dengan sokongan kuat daripada semua pihak terutama Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Ahli-ahli sidang Redaksi, tokoh-tokoh Penulis Sejarah Negeri Sembilan dan semua Sejarawan Tempatan yang sama-sama memberi sokongan kepada penerbitan "Warisan" kali ini.

Selaras dengan perubahan dan perkembangan zaman untuk menuju satu cita-cita murni bangsa dan negara ke arah abad ke 21 yang lebih cemerlang dan mencabar, maka "Warisan" memainkan peranan yang lebih besar dalam mengisi dan membina generasi baru Malaysia supaya generasi ini peka dan menjadikan Sejarah sebagai landasan utama untuk meniti ke arah mercu kejayaan dan pembinaan bangsa yang seimbang dari segi pengetahuan, rohani, jasmani supaya dapat melahirkan generasi yang bertakwa, harmonis dan pewaris bangsa yang dapat dibanggakan.

Untuk itu "Warisan" akan terus wujud dan kekal sebagai media penyambung warisan bangsa.

Terima Kasih.

MOHD HISA BIN TAHAT
Ketua Pengarang.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
1991 - 1992**

Yang DiPertua

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato Haji Abdul Samad,
SPNS., PSM., DSNS, PMC.
(Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus)

Naib Yang DiPertua

Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus)

Setiausaha Kehormat

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.

Penolong Setiausaha Kehormat

Encik Mahadi bin Abdul Rahman PJK

Bendahari

Encik Tilak Raj Sharma PJK.

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.

Ahli-Ahli Jawatankuasa

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., ANS., PJK.
Encik Zainal Abidin bin Haji Mohd Yusof PBB., PMC.

Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.

Prof. Norhalim bin Haji Ibrahim

Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

Sidang Redaksi Warisan ke 15:

Pengerusi

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat

Editor

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Misan bin Mastor

Encik Zulkapli Othman

Setiausaha

Encik Mahadi Abdul Rahman.

LAPORAN LAWATAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KE SUMATERA BARAT

Oleh : KHALID MD YASIN

Rombongan lawatan terdiri dari:-
Ketua Rombongan
Encik Zainal Abidin bin Mohd Yusof,
Timbalan Pengerah Pendidikan II, N.S.D.K.

Timbalan Ketua Rombongan
Tuan Haji Hisham bin Haji Omar,
Timbalan Pengerah Pendidikan I, N.S.D.K.

Puan Hajjah Loha bt. Mohamad - Isteri TPP I
Puan Zaiton bt Taman -Isteri Ketua
Rombongan

Tuan Haji Jaaman bin Abu
(Pengetua Sek. Tinggi Datuk undang Musa
Al Haj.)

Tuan Haji Sulaiman bin Kassim
(Pengetua SM Sri Ampangan)

Tuan Haji Abdullah bin Maulop
(Pengetua SM Senawang)

Encik Tilak Raj Sharma
(Pengetua SM Mantin - Bendahari PSMCNS)

Tuan Haji Abd. Aziz bin Salleh
(Pengetua Sek. Datuk Muhammad Yusuf
-Linggi)

Tuan Haji Yusof bin Othman
(Pengetua SM Si Rusa, Port Dickson)

Tuan Haji Mohd. Misan bin Mastor
(Pengetua SM Lui Barat)

Encik Khalid bin Md. Yasin
(Setlusaha Lawatan - Penyelia Sejarah
JPNS)

Encik Abdul Kadir bin Abdullah - JPNS
Puan Hajjah Sappiah bte Maamor
(SK. KGV, Ampangan)

Puan Norzila bte Mokhtar
(SM. Tunku Ampuan Najihah)

17 OGOS 1991

Jam 9.00 pagi kami bertolak dari Jabatan Pendidikan Seremban dengan dua buah van yang disediakan oleh Saiburi

Travel Agensi ke Lapangan Terbang Subang.

Jam 11.35 pagi kami bertolak dari Lapangan Terbang Subang ke Pekan Baru dengan Pesawat Pelangi Air, perjalanannya tidak lama, jam 12.40 kami telah berada di tanah seberang. Setelah selesai urusan passport kami terus dibawa membuat kunjungan hormat ke atas Wali Kota Pekan Baru Pak Affindi di kediaman beliau. Walaupun Pak Affindi sibuk dengan acaranya (Berkebetulan dengan Hari Kemerdekaan Indonesia) beliau sanggup menerima kunjungan kami. Selepas itu kami bertolak ke Penggeren Hotel untuk berehat. Disebelah petangnya di tempat kami menginap ini telah diadakan satu pertemuan dengan seorang tokoh Sejarah dan Bahasa Riau, Pro. Osman Affandi Hassan.

Setelah itu kami telah dibawa putar-putar Pekan Baru dimana kami telah dibawa ke Kawasan Pandai Tangan Rotan dan Kayu yang terdapat di tepi jalan menghala ke Universiti Lancang Kuning.

18 OGOS 1991

Selepas sarapan di hotel, jam 8.00 pagi kami mula bertolak menuju ke Kota Madya Bukit Tinggi. Dalam perjalanan ini kami sempat juga singgah bergambar di Tugu Khatulistiwa (tempat Garisan Khatulistiwa melintasi Sumatera) kami juga dapat melihat bagaimana gigih rakyat negara ini bagi menampung hidup. Mereka memecahkan batu-batu di lereng bukit dan mengangkut batu sungai ke tepi


jalan untuk di jual sebagai punca pendapatan.

Kami juga telah singgah di Lembah Harau bagi melihat keindahan air terjun dan pemandangan yang menarik, di mana terdapat deretan batu pejal sebagai dinding kiri kanan jalan menghala ke Lembah Harau.

Selepas itu kami meneruskan perjalanan ke Paya Kumbuh, dengan jalan yang berliku-liku di tepi sungai Kampar. Ada diantara ahli rombongan ini tidak boleh tahan dengan jalan yang berliku-liku ini.

Jam 3.00 petang kami sampai di Bukit Tinggi, sesampai kami berehat dan menginap di Hotel Benteng. Udara disini sejuk tidak payah pendingin hawa. Setelah Jamuan Makan Malam diadakan upacara ucapan dan pertukaran cenderamata diantara Wali Kota dengan Ketua rombongan kami.

BEBOLA KHATULISTEWA



Sesampai di Paya Kumbuh ini kami berhenti makan tengah hari, salah satu hidangan yang menjadi rebutan ialah belut goreng - sungguh enak rasanya dan orang kata khasiatnya sungguh hebat. Bukti kehebatannya tanyalah orang yang memakannya.

Tidak berapa jauh dari Paya Kumbuh kami singgah melawat rumah Adat. Di rumah ini terdapat peralatan senjata zaman dahulu bagi menentang Belanda - yang istimewa ialah bambu runcing yang bercabang dua.

19 OGOS 1991

Selepas sarapan kami kaum lelaki telah bertolak dari hotel melawat dua buah sekolah, sebuah SMA (Sekolah Menengah Atas) dan SMP (Sekolah Menengah Permulaan). Kami telah berbincangan dengan Bapak Ketua bagi kedua-dua sekolah ini. Kebetulan sekolah yang kami lawat ini dicadangkan akan dijadikan sekolah kembar dengan Sekolah Menengah Seri Ampangan Seremban - SMA Bukit Tinggi 1, dan SMP Bukit Tinggi 2.

20 OGOS 1991

Selepas ini kami telah bertolak ke tempat-tempat bersejarah dan beradat. Mulanya kami bertolak ke Batu Sangkar - Kota Budaya Ibukota Kabupaten Tanah Datar. Di sini kami telah membuat lawatan hormat ke atas Bupati Batu Sangkar. Diadakan upacara pertukaran cenderamata.

Kami terus membuat lawatan di sekitar Batu Sangkar, tumpuan utama ialah Istana Basa Pagaruyong - hampir satu jam kami disini. Terdapat tiga istana dibaik pulih bagi menggambarkan kegemilangan zaman Adat Minang di masa dahulu.

Dalam perjalanan balik kami singgah di desa Pandai Sikek, iaitu desa dimana terdapat kedai yang menjual tenunan tangan penduduk tempatan diantaranya songkit dan kain sulaman.

Malamnya kami telah menyaksikan pertunjukan Kebudayaan dengan bayaran 500 rupee. Diantaranya ialah Tarian Ulu Ambek, Tarian Indang dan dua tiga tarian lagi yang telah dipersembahkan dengan cukup hebat.


Hari ini merupakan perjalanan ke Padang. Dalam perjalanan ini kami telah singgah melawat Terowong jampang, juga di Panorama Nagarai Sionok - kedua-dua objek ini sangat menarik dan hebat.

Sebelum menuruni lekok 44 ke Danau Meninjau kami telah berhenti seketika di Embun Pagi, sebuah tempat di mana pemandangan yang indah ke arah Danau Meninjau. Terdapat pandai tangan dijual disini.

Di kiri kanan jalan kami dapati sawah berjinjang-jinjang luasnya dan dilereng bukit pula dihiasi warna warni pucuk-pucuk cengkeh dan kayu manis.

Selepas menuruni kelok 44 kami pun sampai di Danau Meninjau, kami berehat dan makan tengah hari disini. Hidangan lauknya ialah ikan yang ditangkap di danau ini dan sayur-sayuran. Inilah pertama kali sejak kami berada di Tanah Minang ini kami merasai lauk sayuran-sayuran, kerana sebelum ini kami telah dihidangkan dengan lauk ayam dan daging kerbau sahaja.

Bergambar ramal di kediaman Wali Kota Pekanbaru Rian.



21 OGOS 1991


Jam 10.00 pagi kami membuat kunjungan hormat ke atas TYTM Gabnor Sumatera barat Syahrul Ujud di Kantor Gabnor. Kami diberi taklimat tentang pentadbiran Sumatera Barat dan juga Pentadbiran Adat Minang di sini.

23 OGOS 1991

Jam 8.00 pagi selepas sarapan kami bertolak ke satu distensi yang agak jauh iaitu bermula di Padang ke Lubuk Bergalung terus ke Indarung di mana terdapat Kilang Simen yang terbesar di Sumatera Barat. Perjalanan diteruskan Lubuk Seseseh tetapi sebelum itu kami singgah melihat keindahan Kota Madya Padang dari Taman Hutan Raya Dr. Hatta. Perjalanan ke Solok sungguh menarik dimana terdapat sawah padi menguning luas mata memandangi. Kami singgah sebentar di Tasik Singkarak melihat keindahannya. Tasiknya sungguh luas saujana mata memandangi. Kemudian bas menyusur tepi tasik Singkarak dari Pekan Singkarak hinggalah Batu Tebal hampir sejauh 20 kilometer jauhnya.

Dari Batu Tebal perjalanan diteruskan ke Padang melalui Padang Panjang Kayu Tanam, Duku dan Lubuk Buaya sejauh 120 Kilometre.

Malamnya kami membeli belah lagi sebelum kami bertolak balik ke Kuala Lumpur pada esok harinya.



Bergambar dengan Bapak-bapak pendidik Sekolah Menengah Atas Bukit Tinggi 1.

24 OGOS 1991

Selepas sarapan pagi kami bersiap untuk menaiki Kapal Terbang di Lapangan Terbang Tabing.


Kapal terbang Merpati Air bertolak ke Bantam sebelum meneruskan penerbangannya ke Kuala Lumpur, hampir satu jam kami berada di Lapangan Terbang Bantam. Lapangan terbang ini masih baru dibina, ramai terdapat orang Malaysia dan orang Tanjung Pinang di sini.

Jam 12.00 pagi kami sampai di Lapangan Subang. Setelah selesai semua urusan kami pun bertolak ke Seremban. Jam 2.00 petang kami pun sampai dan mulalah berpecah menuju kerumah masing-masing.

Penutup.

Lawatan ini sangat berfaedah kerana dapat mengeratkan hubungan satu rumpun yang telah berpecah dan disamping itu dapat melihat dan mengkaji keunggulan Adat Perpatih.

Pertukaran Cenderamata antara Wali Kota Bukit Tinggi dengan Ketua Rombongan PSMCNS.



Bergambar dengan Bapak dan Asisten Gabnor Sumatera barat di Kantor Gabnor Padang